



Oleh Rosyahaida
Abdullah
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“**S**etakat ini saya cuma lebihkan sedikit pembelian. Misalnya jika kebiasaannya saya beli minyak masak sebotal, kini beli dua botol, itu saja,” kata pesara, Datin Noor Abdullah, 60.

Ditemui di hadapan pasar raya di Ampang, Noor menganggap masih tiada keperluan untuk melakukan pembelian dalam jumlah terlalu banyak memandangkan keadaan ketika ini masih terkawal.

“Saya akan melebihikan pembelian untuk barangan pencuci namun untuk makanan, kami pastikan ia mencukupi untuk kami berempat (sekeluarga) saja, tidak berlebih-lebih.

“Mungkin saya akan mula melakukan apa yang dipanggil pembelian panik apabila kes di Malaysia mencecah angka 1,000 na-

Bawa isu topeng mulut, hidung ke Kabinet Rabu ini

Kuala Terengganu: Isu kekurangan bekalan topeng mulut dan hidung di pasaran seluruh negara akan dibincang pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pembelian panik berikutan kebimbangan orang ramai terhadap penularan virus Covid-19 menjadi punca utama masalah itu berlaku.

Katanya, siasatan dilakukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati tiada aktiviti menyorok topeng mulut dan hidung untuk menaikkan harga oleh pemborong serta peniaga barangan berkenaan.

“Pegawai dan anggota KPDNHEP akan terus melakukan pemeriksaan serta pemantauan manakala tindakan akan dilakukan jika mendapati ada peniaga menaikkan harga produk itu.

“Kerajaan sudah mengisytiharkan bahawa topeng berkenaan adalah barang kawalan dan perbuatan menaikkan harga boleh dikenakan tindakan,” katanya.

mun saya yakin kerajaan melakukan yang terbaik untuk kawal wabak (Covid-19),” katanya.

Noor antara yang ditemui melakukan pembelian ketika wartawan Harian Metro melakukan tinjauan di beberapa pasar raya di ibu kota susulan tersebar di media sosial mengenai kekurangan stok barangan dapur disebabkan pembelian panik pengguna akibat Covid-19.

Hasil tinjauan mendapati rak di kebanyakan pasar raya dipenuhi barangan keperluan, malah stok sentiasa ditambah dari semasa ke semasa.

Rosdi Kula, 44, berkata, tiada keperluan melakukan pembelian panik disebabkan situasi Covid-19 terkawal dan barangan keperluan mencukupi.

Menurut kakitangan swasta ini, tujuan ke pasar raya itu hanya untuk me-



Saya akan melebihikan pembelian untuk barangan pencuci namun untuk makanan, kami pastikan ia mencukupi”

Noor Abdullah

nambah stok barangan dapur di rumah yang dibeli secara mingguan.

“Rasanya kebanyakan mereka yang membeli dalam kuantiti banyak adalah peniaga kedai makan, peniaga gerai runcit dan sebagainya.

“Majoriti kenalan saya pun tiada yang menyarankan pembelian panik jadi saya kira semua orang masih tenang,” katanya.